



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA LAWATAN KERJA KE**  
**LADANG JAGUNG KOMONG JASIN BERHAD**

**PADA 30 APRIL 2021 (JUMAAT), MASA: 3.00 PETANG**  
**DI REZAB PADANG RAGUT CHIN CHIN, JASIN**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya

Terima kasih Pengacara Majlis,

**(SALUTASI DI ATAS ROSTRUM)**

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke Majlis Perasmian Ladang Jagung milik Koperasi Komong Jasin Berhad.
2. Saya difahamkan, program ini adalah anjuran bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Melaka dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Melaka.

3. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada EXCO yang bertanggungjawab bagi portfolio Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu YB Datuk Norhizam bin Hassan Baktee serta ADUN Kawasan iaitu YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad di atas kesudian menjemput saya hadir merasmikan program pada hari ini.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

## LADANG JAGUNG KOPERASI KOMONG JASIN MELAKA BERHAD

4. Sesungguhnya, pihak Kerajaan Negeri amat berbangga dengan kejayaan aktiviti penanaman jagung di tanah seluas **46 ekar** di kawasan Kampung Chin Chin, Jasin ini oleh Koperasi Komong Jasin Berhad. Aktiviti seperti ini mampu memberi peluang ekonomi terutamanya peluang perniagaan dan pekerjaan kepada komuniti setempat, yang juga merupakan anggota-anggota koperasi di sini.

5. Pihak Kerajaan Negeri akan terus menyokong sektor koperasi sebagai sektor ketiga terpenting dalam memperkasa pembangunan ekonomi. Oleh itu, sokongan daripada anggota-anggota serta pengurusan koperasi adalah amat penting dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti setempat, masyarakat dan seterusnya menjana pembangunan yang diharapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka.

6. Pada majlis hari ini juga, saya difahamkan bahawa bantuan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) FAMA dan Peralatan Lepas Tuai (Timbang & Bakul) akan disampaikan kepada usahawan terpilih. Saya berharap agar objektif program PPL ini untuk mewujudkan kemudahan fizikal pengumpulan hasil pertanian dapat memberi manfaat kepada usahawan supaya kekal menjadi penyumbang yang efektif kepada hasil pertanian dan ekonomi Negeri Melaka.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

## **PENCAPAIAN GERAKAN KOPERASI DAN SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI MELAKA**

7. Saya difahamkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pencapaian Gerakan Koperasi di Negeri Melaka pada tahun 2020 mencatatkan bilangan koperasi berdaftar sebanyak **457 buah koperasi**, jumlah syer/yuran sebanyak **RM106.9 juta**, jumlah aset sebanyak **RM497.6 juta** dan perolehan berjumlah **RM78.6 juta**.



8. Walau bagaimanapun pada tahun 2020, dunia telah berhadapan dengan wabak Pandemik COVID-19. Kesannya, hampir semua sektor ekonomi telah terjejas dengan teruk. Gerakan koperasi juga turut terjejas dengan diramalkan penurunan kepada perolehan gerakan koperasi pada tahun 2020 lebih separuh berbanding pencapaian pada tahun 2019.
  
9. Di dalam kelesuan peningkatan ekonomi dan hasil negeri, koperasi boleh dijadikan medium untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti melalui bidang ekonomi baharu yang mampu mewujudkan perniagaan, peluang pekerjaan di samping peluang-

peluang keusahawanan yang boleh diceburi oleh anggota komuniti di sesebuah kawasan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Pada tahun 2020 hingga 2021, SKM Negeri Melaka telah menyalurkan peruntukan pembiayaan berjumlah **Ringgit Malaysia satu juta lima ratus lima belas ribu (RM1, 515, 000.00)** melalui Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) kepada sembilan (9) buah koperasi bagi pelbagai projek.

11. Sebanyak RM277,521.00 peruntukan dana geran infrastruktur di bawah RMK-11 disalurkan kepada 5 (lima) buah koperasi, manakala RM80,000.00 diperuntukkan kepada 19 (sembilan belas) buah koperasi di bawah dana Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi COVID-19.

12. Selain itu, RM17,000.00 diperuntukkan kepada 2 (dua) buah koperasi di bawah Tabung Bantuan Pemulihan Ekonomi Koperasi (PULIH) dan RM15,000.00 telah diperuntukkan kepada 3 (tiga) buah koperasi yang menjalankan aktiviti pemborongan peruncitan di bawah Insentif Jualan Harga Patut (JHP). Koperasi Komong Jasin Berhad turut menerima RM25,000.00 dana bantuan kecemasan akibat banjir yang melanda Negeri Melaka pada penghujung tahun 2020 yang lalu.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

**MENYOKONG PERANAN KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) SERTA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN  
KOPERASI (MEDAC)**

13. Selari dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) di bawah flagship yang ke 5 iaitu **“Melaka Negeri Usahawan”**, saya sentiasa menyokong peranan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bersama agensi-agensinya di bawahnya, untuk

menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri keusahawanan pertanian yang unggul.

14. Saya dimaklumkan, Koperasi Komong Jasin Berhad telah menerima peruntukan sebanyak **RM846,650.00** daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui RISDA pada tahun 2017 di bawah Program Koperasi Desa Lestari. Tapak tanah yang sedang kita lihat dengan tanaman jagung ini adalah milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka yang memberi hak secara pajakan kepada koperasi.

15. Jabatan Pertanian dan FAMA pula sebagai agensi teknikal yang menguruskan dari segi penanaman, kajian dan pasaran. Sudah tentu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai agensi yang mengawal selia, mampu memastikan tadbir urus koperasi dapat dilaksanakan dengan baik.
16. Kejayaan koperasi ini merupakan hasil gabungan dan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri yang sama-sama turun padang dalam memastikan projek ini dapat direalisasikan. Projek ini boleh dijadikan contoh bagi model-model perusahaan pertanian berskala besar dan sederhana

secara komuniti yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

17. Kini, koperasi perlulah berusaha dan membuktikan bahawa segala bantuan yang diperuntukkan mampu memberikan manfaat kepada anggota-anggota komuniti di kawasan Chin Chin ini. Segala perancangan dan hala tuju perniagaan perlulah jelas dan mengambil kira semua aspek untung rugi serta jangka masa yang bersesuaian.



18. Di samping itu, saya menyeru kepada setiap anggota komunitas yang terdiri dari berbagai golongan seperti bumiputera, belia, wanita, B40, OKU dan golongan terpinggir perlu menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai kerjaya pilihan dan menerapkan ciri-ciri usahawan yang berdaya maju, kompetitif dan berdaya tahan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

19. Akhir kata, semoga koperasi dan usahawan di Melaka bertambah maju seiring dengan kemajuan Negeri Melaka.
  
20. Dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Ladang Jagung Komong Jasin Berhad.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...